

Bahagian A (15 markah)

Arahan: Setiap soalan diikuti oleh empat jawapan pilihan, A, B, C dan D. Pilih jawapan yang betul.

1. Apakah yang dimaksudkan dengan Rangkaian Tanpa Wayar (WIFI)?
 - A. Merupakan dua atau lebih komputer untuk berkongsi sumber
 - B. Perpindahan maklumat antara satu titik ke titik yang lain yang tidak berhubung secara fizikal
 - C. Sekumpulan komputer & peranti rangkaian yang bersambung
 - D. Rangkaian yang digunakan untuk menyambungkan komputer yang berada pada lokasi yang berbeza

2. Apakah kegunaan kad antaramuka rangkaian (NIC)?
 - A. Peranti yang bertindak sebagai suis yang menentukan dua atau lebih rangkaian untuk memindahkan data
 - B. Peranti yang digunakan untuk menyambung antara komputer dengan komputer yang lain
 - C. Peranti yang digunakan oleh komputer untuk berkomunikasi di dalam rangkaian
 - D. Peranti yang akan memilih laluan semasa penghantaran data kepada destinasiya

3. Apakah enjin carian?
 - A. Kaedah carian maklumat dengan menggunakan frasa atau tanda
 - B. Sistem yang dibangunkan bagi membantu kita untuk mendapatkan maklumat melalui internet
 - C. Paparan yang memaparkan penulisan, gambar atau video yang dikendalikan oleh individu atau organisasi
 - D. Rangkaian komputer terbesar dunia

4. Laman web terdiri daripada kategori
 - I komersial
 - II peribadi/blog
 - III organisasi
 - IV informasi/berita
 - A. I & II
 - B. I, II & IV
 - C. I, II & III
 - D. Semua di atas


5. Apakah kegunaan suis (SWITCH)?
- A. Peranti yang membolehkan komputer menghantar data melalui talian telefon atau kabel
 - B. Peranti yang digunakan untuk menyambung antara komputer dengan komputer yang lain
 - C. Peranti yang menghubungkan data komunikasi wayar untuk membentuk satu rangkaian tanpa wayar
 - D. Peranti rangkaian yang akan memilih laluan semasa penghantaran data kepada destinasi
6. Apakah kegunaan Titik Pusat Tanpa Wayar (Wireless Access Point)?
- A. Digunakan bagi menghubungkan data komunikasi untuk membentuk satu rangkaian tanpa wayar
 - B. Digunakan oleh komputer untuk menghantar data melalui talian telefon atau kabel
 - C. Digunakan oleh komputer untuk berkomunikasi dalam rangkaian
 - D. Digunakan untuk menghubungkan data komunikasi wayar untuk membentuk satu rangkaian tanpa wayar
7. Apakah perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan oleh internet?
- I perkhidmatan capaian maklumat
 - II perkhidmatan carian maklumat (enjin carian)
 - III perkhidmatan komunikasi
 - IV perkhidmatan rangkaian
- A. I & II
 - B. I, II & IV
 - C. I, II & III
 - D. Semua di atas
8. Manakah bukan kegunaan & kepentingan blog?
- A. Menyebarkan maklumat
 - B. Simpanan data peribadi
 - C. Memudahkan perkongsian maklumat
 - D. Sebagai medium pengiklanan
9. Apakah persediaan untuk membina sebuah laman blog?
- A. komputer
 - B. e-mel
 - C. perisian blog
 - D. internet

10. Apakah kegunaan muat turun?
- A. Mendapatkan maklumat yang disimpan dalam internet
 - B. Membuat pengiklanan
 - C. Menyebarkan maklumat
 - D. Menyimpan maklumat
11. Apakah yang dimaksudkan oleh data?
- A. perkara yang membawa makna kepada pengguna
 - B. dikelaskan mengikut kategorinya sebelum dapat diproses & dianalisa
 - C. merupakan perkara yang belum diproses & disusun
 - D. melabelkan kesemua item-item mengikut kategorinya mengikut format yang diberikan
12. Apakah yang dimaksudkan dengan maklumat?
- A. koleksi maklumat yang tersusun mengenai sesuatu perkara atau tujuan tertentu yang mempunyai hubungan antara satu sama lain
 - B. mengakses maklumat yang diperlukan dengan mudah & pantas secara serentak pada masa yang sama
 - C. pengelasan mengikut kategori sebelum diproses & dianalisa
 - D. data yang telah diproses & disusun serta berfaedah kepada pengguna untuk membuat sesuatu keputusan
13. Apakah yang dimaksudkan bahan sah?
- A. ketepatan isi kandungannya
 - B. tidak diketahui sumbernya
 - C. bukan berbentuk gosip atau fitnah
 - D. pengguna harus mendapat kebenaran daripada pemilik jika ingin menggunakan bahan tersebut
14. Pangkalan data bermaksud?
- A. membantu pengguna menambah, mengubah & memaparkan maklumat
 - B. mencapai maklumat spesifik daripada pangkalan data
 - C. koleksi maklumat yang tersusun mengenai sesuatu perkara atau tujuan tertentu yang mempunyai hubungan di antara satu sama lain
 - D. mempersembahkan maklumat yang dipilih daripada pangkalan data bagi tujuan mencetak


2. Tandakan (\checkmark) pada aplikasi pangkalan data yang betul dan (\times) pada aplikasi pangkalan data yang salah. (6 *markah*)

a) Pangkalan data digunakan untuk sistem tempahan tiket kapal terbang	
b) Pangkalan data digunakan untuk sistem pinjaman & tempahan buku	
c) Pangkalan data digunakan untuk mencari berita semasa	
d) Pangkalan data digunakan untuk sistem perekodan inventori	
e) Pangkalan data digunakan untuk pemesejan segera	
f) Pangkalan data digunakan untuk sistem telefoni internet	

3. Susun hierarki data daripada unit yang kecil kepada unit yang besar bagi membentuk sebuah pangkalan data. (5 *markah*)




4. Isi tempat kosong dengan menggunakan jawapan yang diberikan di bawah. (7 *markah*)



- a) _____ ialah koleksi maklumat yang tersusun mengenai sesuatu perkara atau tujuan tertentu yang mempunyai hubungan antara satu sama lain.
- b) Melalui pangkalan data, pengguna-pengguna boleh _____ maklumat yang diperlukan dengan mudah & pantas secara serentak dalam masa yang sama.
- c) Pengguna boleh _____ & mengakses maklumat yang banyak dalam suatu tempat simpanan data.
- d) _____ yang boleh disimpan dalam pangkalan data adalah berbentuk data teks, tarikh, nombor, _____ & audio.
- e) _____ yang disimpan boleh disisih & disusun dengan mudah & pantas. Pangkalan data adalah mudah dibangunkan, senang diurus, _____ pengguna & mudah dikawal.

5. Isikan jawapan pada ruangan kosong dalam petikan di bawah. (6 markah)



Kegunaan rangkaian ialah berkongsi akses internet, pengurusan perisian berpusat, mel elektronik, berkongsi peranti dan (a) _____ (b) _____ yang menjadi pusat rangkaian berkabel yang digunakan untuk menyambung antara komputer dengan komputer yang lain ialah (c) _____. Bagi pemindahan data bagi dua atau lebih rangkaian, satu suis yang dikenali sebagai (d) _____ digunakan. (e) _____ merupakan rangkaian komputer yang terbesar di dunia yang menghubungkan berjuta-juta komputer di seluruh dunia. Perkhidmatan capaian internet terdiri daripada (f) _____ dan muat turun.

6. Padankan. (6 markah)

a) koleksi rekod-rekod yang berkaitan	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	medan
b) koleksi medan yang berkaitan dalam jadual	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	teks
c) kombinasi satu atau lebih bait atau aksara	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	jadual
d) mengisytiharkan huruf, angka, ruang & tanda baca dengan penentuan lebar sehingga maksima 255 aksara	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	tarikh
e) mengisytiharkan tarikh sahaja	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	nombor
f) mengisytiharkan interger termasuk interger negatif	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	rekod

~ SOALAN TAMAT ~

SKEMA JAWAPAN**Bahagian A**

1. B
2. C
3. B
4. D
5. D
6. A
7. C
8. B
9. C
10. A
11. C
12. D
13. D
14. C
15. B

Bahagian B**Soalan 1**

- a) betul
- b) salah
- c) betul
- d) betul
- e) salah

Soalan 2

- a) ✓
- b) ✓
- c) X
- d) ✓
- e) X
- f) X

Soalan 3

- a) pangkalan data
- b) fail
- c) rekod
- d) medan
- e) bait

Soalan 4

- a) pangkalan data
- b) mengakses
- c) menyimpan
- d) data, imej
- e) maklumat, mesra

Soalan 5

- a) berkongsi fail
- b) peranti
- c) hab
- d) penghala (router)
- e) internet
- f) protocol pemindahan fail

Soalan 6

- a) jadual
- b) rekod
- c) medan
- d) teks
- e) tarikh
- f) nombor